

Pelaburan Malaysia - Indonesia meningkat

UM - 14/1/2006.

Daripada SOPHA SULAIMAN

BUKIT TINGGI (Sumatera Barat) 13 Jan. - Nilai pelaburan dan kerjasama perdagangan dua hala antara Malaysia dan Indonesia telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan waktu dulu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, selain kesungguhan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan, bidang-bidang lain juga telah menunjukkan hasil menggalakkan kesan daripada keputusan yang diambil dalam mesyuarat bersama oleh kedua-dua negara.

"Di segi pelaburan kita telah mengambil peranan besar sejak dulu seperti perladangan kelapa sawit, demikian juga kerjasama dalam bidang minyak dan gas," katanya.

Beliau memberi contoh, Khazanah Nasional telah melabur RM5.8 bilion dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga membuat pelaburan kira-kira RM3.99 bilion.

"Rakan sejawat saya Presiden Susilo Bambang Yudhoyono menyatakan pihak Indonesia juga bersedia meningkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan," kata Abdullah kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan perjumpaan dengan 143 pelajar Malaysia di sini hari ini.

Abdullah bersama 40 delegasi Malaysia berada dua hari di Bukit Tinggi untuk menghadiri mesyuarat tahunan dua hala dengan Susilo.

Beliau menjelaskan, kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa masalah yang timbul antara dua negara termasuk tuduhan pencerobohan hutan dan pembalakan haram di Kalimantan.

"Kita mahu isu pembalakan haram ini dihentikan dan kedua pihak bersetuju untuk membuat pengawasan bersama.

"Jadi jika ada kenyataan mengenai kejadian itu, ia tidak akan memberikan makna lagi," kata Abdullah.



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono (kiri) bersalam dengan jemaah selepas solat Jumaat di Bukit Tinggi, Sumatera semalam. - Reuters

dullah.

Ditanya sejauh mana keputusan mesyuarat akan dilaksanakan, Abdullah menjelaskan, menteri-menteri dan pegawai kanan kerajaan yang hadir pada mesyuarat itu akan mengambil langkah-langkah susulan.

"Selepas ini kita akan mendengar pula komitmen di pihak Indonesia dan mereka juga tahu komitmen kita.

"Setelah keputusan diambil, kedua-dua pihak akan rasa terdesak untuk melaksanakan perkara-perkara yang telah diputuskan bersama," kata Abdullah.

Dalam masa yang sama, kata Perdana Menteri, Jawatankuasa Bersama Malaysia dan Indonesia

yang menyertai mesyuarat akan memainkan peranan untuk menilai pencapaian dan kejayaan hasil daripada keputusan yang telah dibuat.

Mengenai pendedahan tanpa izin Indonesia ke Malaysia, beliau menjelaskan masih ada perkara yang perlu diselesaikan dan dibincangkan di peringkat menteri, pegawai teknikal dan laporan mengenainya akan diserahkan kepada kedua-dua pemimpin.

Menurut Abdullah, masalah alam sekitar seperti jerebu juga tidak akan menjadi isu di rantau ini jika pendekatan diambil lebih awal sebelum berlaku kebakaran selain mewujudkan sistem pemantau untuk menyediakan maklumat awal.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya tidak menerima laporan mengenai adanya syarikat Malaysia yang beroperasi di negara ini mengabaikan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat setempat.

"Biasanya syarikat kita sentiasa menjaga kebajikan masyarakat setempat dan memberikan bantuan yang diperlukan, jadi tiada masalah dalam hal ini," katanya lagi.

Terdahulu ketika berucap kepada pelajar Malaysia di sini, Abdullah mengumumkan persetujuan Malaysia-Indonesia untuk memajukan visa kepada pelajar kedua-dua buah negara tanpa perlu memperbaharui pada setiap tahun. - Utusan